


# Aku & Buku

**Editors:**  
Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali  
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai

2025



# Aku & Buku



**Editor:**

*Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali  
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai*

**Penerbit:**

*UiTM Cawangan Kedah*

e ISBN 978-967-2948-81-0



9 789672 948810



# Hak Cipta

Hak cipta@ adalah milik penulis/pemilik asal. Penyuntingan bahasa dan pembacaan pruf telah dijalankan oleh pasukan editorial dengan kebenaran penulis.

Segala pandangan, pendapat dan syor teknikal yang dikemukakan oleh penyumbang adalah tanggungjawab mereka sepenuhnya dan tidak semestinya mencerminkan pendirian editor, fakulti atau universiti.

Tiada bahagian dalam penerbitan ini yang boleh diterbitkan atau dipindahkan dalam apa jua bentuk atau cara, sama ada secara elektronik atau mekanikal, termasuk fotokopi, salinan semula atau sebarang sistem simpanan dan capaian, tanpa kebenaran bertulis daripada Rektor, UiTM Cawangan Kedah, 08400 Kedah.

**eISBN:** 978-967-2948-81-0

**Diterbitkan oleh:**

Universiti Teknologi MARA  
08400 Merbok, Kedah, Malaysia

**Editor:**

Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali  
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai



# Kandungan

## Tajuk

## Muka Surat

### Kata Pengantar

### Kata Aluan

### Pendahuluan

1. Peneman Setia	1
2. Cinta Ekonometrik dan Cinta Residual	5
3. Inspirasi Dale Carnegie	8
4. Aku, Buah dan Buku	15
5. Dari Cerita Dongeng, Akhirnya Menggapai Impian	20
6. Aku di Alam Buku	24
7. Kisah Imam Syafie	27
8. Menyingkap Kegemilangan Umat Islam di Andalusia	33
9. Kisah Penaklukan Kota Konstantinople oleh Sultan Muhammad Al-Fateh	39
10. Bukuku adalah Teman Karibku	45
11. Korban Kasih	51
12. Buku, Penyelamatku	54
13. Aku, Abah dan Buku	58
14. Sebuah Buku Berwarna Coklat	62
15. TAMAR JALIS: Stephen King Malaya	65
16. Jasa Terindah	68
17. Ditandang Lagi	71
18. Anak Sulung	76
19. Inspirasi Membentuk Jatidiri	79
20. Dari Lemari Antik Moyang ke Troli e-Dagang	82
21. Menara Alam dan Kimia Manusia	86
22. Minat Membaca yang Hilang	91
23. Satu Jam Boleh Merubah Hidup	93
24. Pengembaraan Melalui Kuasa Petikan	96
25. Kāna yāmā kān	99
26. Aku, Buku dan Secangkir Kopi	102
27. Manisnya Senyumanmu	105
28. Anak-anakku & Buku	110
29. Buku Mendidik Aku	114
30. Sebuah Perjalanan Menemukan Diri	118
31. Menggenggam Bara	122
32. Diari Perjalanan Aku dan Buku	126
33. Kertas-kertas yang Harum	129
34. Pasti Ada Minatku	132
35. Aku, 'Buku Pink' dan Tesis: Kisah Kerinduan, Penantian dan Harapan	135
36. Kehidupan dalam Kata: Buku Guru Sebuah Kehidupan	140
37. Manga dan Aku	144
38. Dirimu Sentiasa Ada!	148
39. Sihat with Me	152
40. Aksaramu Inspirasiku	155
41. Kerana Sebuah Buku	159
42. Pahit Manis Pengalaman Bersama Buku	161
43. Ibrah Melalui Syukur	165
44. Kenangan Itu	168
45. Perjalanan Literasi: Dari Perpustakaan Sekolah Hingga ke Universiti	172
46. Buku "Tangan Kedua"	176
47. "달콤한 추억" di Bumi Korea	180
48. Pi Mai Pi Mai Bersua di PBAKL 2024	183
49. Baca Buku? Nerdlah Pulak!	186
50. Kekuatan di Sebalik Buku Pemberian Sahabat	190



# Kata Pengantar

Projek Aku & Buku ini merupakan sebuah inisiatif murni oleh Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah yang menghimpunkan karya penulisan kreatif oleh seluruh warga Universiti Teknologi MARA (UiTM) dari pelbagai fakulti dan jabatan. Kompilasi ini adalah manifestasi semangat cinta terhadap ilmu, bahasa, dan budaya, serta usaha berterusan untuk memupuk pemikiran kritis dan ungkapan kreatif di kalangan warga universiti.

Penulisan dan penerbitan merupakan antara medium utama dalam penyebaran ilmu, dan ia memainkan peranan penting dalam pembentukan masyarakat berilmu dan berbudaya. Namun di samping kesibukan menulis artikel ilmiah berimpak tinggi, projek Aku & Buku muncul bagi menawarkan peluang warga universiti untuk menulis buah fikiran dan pengalaman peribadi dalam bentuk santai namun sampai ke hati pembaca. Himpunan karya-karya kreatif ini bukan sahaja menyemarakkan lagi arena kesusasteraan tanah air, tetapi turut memberi peluang kepada para akademik untuk menyuarakan idea, pandangan, dan imaginasi mereka dalam bentuk yang segar dan bermakna.

Sebagai institusi pengajian tinggi yang sentiasa mendokong nilai keilmuan dan pengembangan minat dalam apa jua bentuk penulisan, UiTM berbangga dapat menyokong dan merealisasikan penerbitan buku ini. Semoga karya-karya yang terkandung dalam kompilasi ini menjadi sumber inspirasi dan rujukan berharga kepada pembaca dari pelbagai lapisan masyarakat.

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada semua penulis yang telah menyumbangkan karya serta pihak yang terlibat dalam menjayakan penerbitan ini.


Selamat membaca.

Ketua Editor,  
**Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali**  
**Noor 'Izzati Ahmad Shafiai**





# Kata Aluan



Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Ilahi kerana dengan izin-Nya, Projek Aku & Buku berjaya diterbitkan. Kompilasi ini merupakan manifestasi minat yang tinggi terhadap bahasa dan penulisan kreatif, yang lahir daripada ilham serta komitmen seluruh warga Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada semua penulis yang telah menyumbangkan karya, serta warga kerja yang terlibat dalam menjayakan projek ini. Usaha ini membuktikan bahawa institusi pengajian tinggi bukan sahaja menjadi medan penyebaran ilmu, malah turut menyemarakkan elemen budaya dan kreativiti dalam penulisan.

## **Unit Penerbitan**

Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali  
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai  
Siti Mukhlisa Mohamad Khairul Adilah  
Nurfarisya Hafiz  
Berlian Nur Morat  
Nor Asni Syahriza Abu Hassan  
Syakirah Mohammed  
Hajjah Sharina Saad  
Mas Aida Abd Rahim  
Syazliyati Ibrahim  
Abdul Majeed Ahmad

## **Penyunting**


Berlian Nur Morat

## **Pereka Layout & Grafik**

Asrol Hasan

Semoga buku ini menjadi inspirasi kepada para pembaca dan terus menggalakkan penghasilan karya kreatif yang berkualiti pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.



# Pendahuluan

Penulisan kreatif merupakan medium penting dalam menyampaikan nilai, emosi dan pemikiran masyarakat. Ia bukan sekadar hiburan, malah berperanan dalam mencorak budaya intelektual dan memperkaya khazanah ilmu. Projek Aku & Buku ini merupakan sebuah himpunan karya penulisan kreatif yang lahir daripada ilham dan bakat warga akademik, khususnya dari Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah, serta sumbangan penulis dari fakulti dan institusi lain.

Kompilasi ini menampilkan pelbagai genre dan gaya penulisan yang mencerminkan kepelbagaian latar belakang dan pengalaman para penulisnya. Usaha ini sejajar dengan aspirasi UiTM dalam menggalakkan budaya penulisan, penyelidikan, dan penerbitan sebagai tunjang penyebaran ilmu yang berterusan kepada masyarakat.

Menerbitkan karya kreatif dalam bentuk buku bukan sahaja membuka ruang kepada ekspresi diri, tetapi juga memperkukuh peranan institusi pengajian tinggi dalam memperkaya wacana sastera tempatan. Semoga buku ini dapat menjadi pencetus inspirasi, pemangkin idea, serta wadah untuk menyemai minat terhadap dunia penulisan dan pembacaan.



## Manisnya Senyumanmu

**Noraini Nasirun**

Universiti Teknologi MARA Cawangan Perlis

Hati ini sangat gembira. Kitab yang saya pesan telah tiba. Ralit menghadap Kitab Syarh Panduan Lengkap ke Arah Kesempurnaan Ibadah Haji dan Umrah karangan Imam Al-Nawawi selepas solat Zohor. Tidak sedar masa berlalu. Saya bersyukur kerana Dr. Zulkifli Mohammad Al-Bakri telah menterjemah dan mensyarahkan karangan ini dalam Bahasa Melayu.

Saya berhenti membaca di halaman berkaitan *istita'ah*. *Istita'ah* ini bermaksud berkemampuan bagi individu yang ingin mengerjakan haji mahupun umrah. Salah satu cabang *istita'ah* ialah kemampuan secara langsung dengan dirinya. Di antara perbincangan berkaitan syarat *istita'ah* ialah sihat tubuh badan.

Kitab ini menjelaskan “syarat sihat tubuh badan bermaksud mempunyai kekuatan dan tenaga yang mampu dia berpegang dan menanggung tanpa sebarang *masyaqqah* (kesulitan) yang menyusahkan, dan orang yang dihalang laluan sama hukumnya seperti yang lain.”

Perbincangan ini mengimbau kenangan saya mengerjakan umrah pada bulan September 2023. Walaupun ini bukanlah kali pertama saya menjejakkan kaki ke Haramain, tetapi hati tetap berdebar menanti waktu berangkat pergi.

Banyak pesanan yang saya tulis untuk diri sendiri. Teringat kata-kata mutawwif kali pertama mengerjakan umrah dulu. Kata beliau, “Haramain ni lubuk pahala. Kalau ada peluang buat kebaikan tu buat sajalah. Allah nak hadiahkan pada kita pahala yang berganda-ganda.”

Waktu cuti saya yang terhad menyebabkan saya tidak dapat bersama keluarga untuk mengerjakan umrah kali ini. Walaupun begitu saya bersyukur kerana masih ada teman yang sudi untuk bersama.

Kami ditempatkan satu bilik berempat dengan jemaah-jemaah wanita yang lain mengikut pakej yang dipilih. Sahabat-sahabat dalam satu bilik itu datang bersama dengan ibu dan saudara mereka yang lain dan ditempatkan di bilik berasingan.

Kami tiba di Mekah sekitar jam 9.00 malam. Bermakna kami semua dalam keadaan berihram dan terikat dengan larangan-larangan ihram. Kami bermiqat di atas kapal terbang semasa melintasi Qarnul Manazil. Setelah selesai urusan daftar masuk ke hotel, kami diminta untuk menunggu di lobi supaya dapat bergerak bersama-sama ke Masjid al-Haram bagi menunaikan manasik umrah.

Cuaca pada bulan September agak panas. Sekitar 42°C pada waktu siang dan bahangnya terasa sehingga waktu malam. Perjalanan dari hotel ke Masjid al-Haram mengambil masa sekitar 20 minit dengan berjalan kaki. Semua kami bermandi peluh.

Sahabat saya, Aimi baru kali pertama mengerjakan ibadah umrah. Saya pesan pada dia berkali-kali, “Jangan jauh daripada saya dan sentiasa berpaut pada tangan saya.”

Risau saya dengan tubuhnya yang kecil molek tu terjatuh semasa bertawaf atau bersaie akibat ombak manusia.

“Awak duduk sebelah kiri saya ya? Supaya awak tak tak teruk sangat kena tolak semasa di mataf.” Pesan saya pada Aimi.

Semasa memulakan tawaf, saya cuba untuk berada di bahagian luar kumpulan kami dan bertawaf di belakang mutawif. Sebabnya saya rasa lebih bertenaga berbanding beberapa jemaah wanita yang lebih berusia. Sejak dari langkah pertama bertawaf hati saya tak putus saya berdoa semoga Allah memudahkan urusan kami.

Saya perasan di sebelah Aimi ada seorang nenek. Agak berusia. Saya agak umurnya sekitar 70 tahun. Dia datang bersama anak-anak dan menantu. Tetapi mereka semua kali pertama mengerjakan umrah.

Di pertengahan tawaf, saya nampak badan nenek terhoyong-hayang. Saya tolak Aimi ke dalam barisan. Dengan cepat saya mendekati nenek. Terus dia merangkul bahu saya dan syukurlah saya sempat menahan nenek dari terjatuh dengan keadaan bahunya dan bahu saya masih tetap bersementang dengan Kaabah.

Sejak dari pusingan ini, saya bertawaf dengan memapah nenek sehinggalah semua pusingan tawaf disempurnakan. Sambil itu saya tetap mengingatkan diri tentang wajib, sunat dan adab tawaf. Jangan sampai tersasar.

Selesai tawaf saya minta anaknya ambikan kerusi dan saya dudukkan nenek.

“Maaf nek! Saya papah nenek kuat sangat tak? Sakit tak? Saya takut nenek jatuh.” Laju saya bersuara.

Nenek tersenyum. Manis sungguh.

“Tak apa. Nenek tak sakit pun. Cuma penat orang tua ja la.” Jawab nenek.

“Kalau macam tu saya solat dulu nek.” Nenek mengangguk.

Saya berpusing mencari Aimi. Saya lihat dia sudah bersolat sunat tak jauh dari tempat saya berdiri. Saya pun terus bersolat di sebelahnya.

Jam di menara menunjukkan pukul 11.59 malam.

“Selamat Hari Lahir untuk diriku. Inilah hadiah terindah yang engkau anugerahkan pada hamba-Mu yang sangat hina ini. Wahai Allah! Ampunkanlah aku dan terimalah ibadahku ini.” Saya berbisik sendiri.

Tak sangka Aimi mendengar bisikan ini. Saya pasti dia terlupa tentang hari lahir saya.

“Selamat Hari Lahir sahabat. Semoga Allah terima segala amalan ibadah awak.” Aimi sedikit menjerit sambil memeluk bahu saya. Cepat-cepat saya memberi isyarat untuk rendahkan suara.

Kemudian kami beredar untuk bersaie bersama jemaah-jemaah yang lain yang diketuai oleh mutawif yang dilantik.

Ramai betul jemaah yang bersaie pada malam itu.

Aimi memegang erat tangan saya. Terasa tapak tangannya berpeluh.

“Awak takut?” Saya tanya Aimi.

Aimi sekadar mengangguk lesu. Saya dapat rasakan dia sudah lelah.

“Sikit ja lagi. Habis saie ni dan bergunting maka selesailah umrah kita. Insya-Allah.” Ujar saya memujuk.

Aimi mengangguk. Kemudiannya Aimi berkata, “Kita bersaie dekat-dekat dengan nenek ya. Risau saya tengok dia. Macam dah tak berdaya tu. Kalau dia tak larat awak cepat-cepat pegang dia.”

Saya merenung Aimi. Aimi faham maksud pandangan saya.

“Nanti saya akan masuk ke bahagian dalam barisan supaya tidak kena asak dengan jemaah-jemaah lain.”

Saya sekadar mengangguk.

Memang apa yang dijangkakan oleh Aimi benar-benar berlaku. Di pertengahan saie, sekali lagi nenek nampak lelah. Aimi tolak saya dari belakang, isyaratkan untuk saya cepat-cepat ke sebelah nenek dan pimpin tangannya.

Kuat nenek berpaut pada tangan saya terutamanya bila sampai ke bahagian mendaki di Bukit Safa dan Bukit Marwah.

Usai bersaie lagi sekali saya mohon maaf dengan nenek. Takut saya pimpin tangannya kuat sangat untuk menghalang asakan jemaah yang lebih bertenaga.

Tidak ada jawapan dari mulut nenek. Sekadar tersenyum. Penat agaknya. ‘Nenek ni walaupun penat senyumannya tetap manis,’ Bicara saya dalam hati.

Saya kembali pada Aimi.

“Awak OK ke tadi?” Tanya saya pada Aimi.

“Saya OK la sebab duduk kat tengah-tengah barisan tu.” Jawab Aimi sambil memuncungkan mulut ke arah jemaah-jemaah lain. Lucu pula saya tengok gelagat Aimi. Gelagat orang penat yang tak sabar nak baring.

“Saya penat la awak.” Aimi mengadu. “Dahku agak,” saya menjawab sambil berseloroh. Aimi menjeling tajam pada saya. Kalau tak kerana penat saya pasti satu cubitan telah hinggap di lengan saya. Saya tersengih memandang Aimi.

“Kita jalan pelan-pelan ya. Kejam lagi dah nak sampai hotel. Boleh rehat.” Saya memujuk Aimi.

Ibadah umrah ni memang memerlukan kekuatan fizikal. Kerana itulah individu yang berhasrat untuk mengerjakan haji mahupun umrah perlu sihat tubuh badan. Malahan ini adalah salah satu syarat dalam perbahasan *istita’ah* atau kemampuan, iaitu kemampuan secara langsung dengan dirinya.

Sepanjang berada di Mekah, saya jarang berselisih dengan nenek sebab nenek pergi bersolat bersama dengan ahli keluarganya.

Sehinggalah pada satu malam, ketika saya kembali dari solat Isyak, saya bertembung dengan nenek di depan pintu lif. Pada malam itu Aimi tidak bersama saya bersolat di Masjid al-Haram.

“Nenek nak ke mana?” Hairan pulak saya. Nenek bersendirian. ‘Mana perginya ahli keluarganya yang lain?’ Getus hati saya.

“Nak ke bawah. Nak tengok apa yang boleh dibeli untuk budak-budak mengaji kat rumah.” Terang nenek. Rupa-rupanya nenek mengajar anak-anak jiran mengaji al-Quran.

“Nenek nak turun sorang ker? Mana anak-anak?” Saya bertanya.

“Rasanya dia orang ni pergi berjalan kot. Lambat balik. Esok kita nak bertolak ke Madinah.” Terang nenek menjawab pertanyaan saya.

“Kalau macam tu biar saya jalah temankan nenek.” Walaupun badan saya dah penat sangat masa tu tetapi hati saya bimbang nak biarkan nenek sendirian menyeberang Jalan Ayyad yang sangat sibuk.

Saya bawa nenek turun lif dan menuju ke kedai yang nenek maksudkan.

Nampak nenek gembira sungguh memilih barangan yang nak di bawa balik. Saya layankan saja. Bukan susah pun. Semasa membayar tu saya pastikan nenek membayar dengan jumlah yang betul dan dapat duit baki seperti yang sepatutnya.

Selesai membeli saya perasan anak-anak nenek ada di kedai sebelah.

Saya bawa nenek kepada mereka dan memohon maaf sebab bawa nenek turun. Saya terangkan yang nenek betul-betul nekad untuk datang membeli sendirian. Risau pulak saya nak biarkan nenek berjalan tanpa teman.

Syukur juga mereka semua faham. Lapang hati saya.

Sebelum tinggalkan nenek pada anak-anaknya, saya jumpa nenek dan maklumkan yang saya dah nak balik ke hotel. Terasa penat kaki ni semakin menggigit.

Sekali lagi nenek tersenyum. ‘Ya Allah! Manis sungguh senyuman nenek,’ Bisik hati saya.

Sepanjang di Madinah saya tidak berkesempatan bertemu nenek. Cuma saya perasan dari jauh, nenek sudah menggunakan kerusi roda. Anak-anaknya sentiasa berada di sisi. Saya kira mungkin nenek penat sebab mengerjakan ibadah umrah.

Sebelum berpisah di KLIA, saya sempat bersalaman dengan nenek. Saya mohon maaf kalau-kalau saya sakitkan nenek semasa saya memapah nenek untuk bertawaf dan bersaie. Saya juga mohon maaf kalau ada perbuatan dan adab saya yang kurang molek sepanjang bersama dengannya.

Nenek tetap tidak menjawab. Sekadar tersenyum. ‘Saya akan rindu senyuman nenek,’ Saya mengeluh berat di dalam hati.

Dua hari selepas kembali dari ibadah umrah, salah seorang anak kepada nenek maklumkan nenek dimasukkan ke hospital akibat sesak nafas. Anaknya mohon supaya kami mendoakan kesembuhan nenek.

Selepas dua malam nenek di hospital, kami semua menerima khabar duka yang nenek telah kembali menemui Penciptanya. Mutawif kongsi gambar nenek di atas kerusi roda dengan senyuman manisnya semasa di Masjid al-Haram.

Tak sedar air mata membasahi pipi. Saya bukan kenal nenek sebelum ni tetapi senyuman manisnya sentiasa terbayang di mata. Nenek tak pernah mengungkapkan terima kasih. Tetapi saya kira senyuman itulah cara dia berterima kasih.

Terima kasih nenek kerana sentiasa hadiahkan senyuman yang sangat indah untuk saya kenang. Terima kasih Allah kerana memberi peluang pada saya untuk menyantuni nenek kerana saya juga sangat rindukan nenek saya yang telah pergi.

Sungguh tidak ada perkara yang berlaku itu satu kebetulan, melainkan perancangan Allah yang Maha Sempurna.


Tiba-tiba saya tersentak dengan riuhnya bunyi burung murai yang berkicau di halaman. Terasa bebal sebab kicauan mereka mengganggu lamunan saya. Jauh juga saya mengelamun rupanya.

Terbayang wajah nenek yang sentiasa tersenyum. Saya ambil masa seketika untuk membacakan surah Al-Fatihah dan berdoa untuk nenek.

Saya pandang jam di dinding. Masih awal untuk persediaan solat Asar.


Saya menyambung bacaan yang terhenti tentang *istita'ah*. Terasa rugi pula bila perbincangan tidak dibaca secara keseluruhan. Topik seterusnya tentang *istita'ah* yang terhasil daripada orang lain.

Banyak lagi ilmu tentang umrah dan haji yang perlu saya kuasai. Tambahan pula saya belum lagi Allah jemput sebagai tetamu haji-Nya. Semoga Allah berikan kefahaman kepada saya untuk mendalami ilmu dan semoga Allah berikan kemudahan ada saya untuk menunaikan ibadah-ibadah ini dengan sempurna. Amin.



# Aku & Buku

2025



e ISBN 978-967-2948-81-0



9 789672 948810

